

## PERCAMPURAN KOD BAHASA DI DALAM FILEM: SATU KAJIAN KUALITATIF TERHADAP FILEM J REVOLUSI (2017)

\***Mohd Syuhaidi Abu Bakar, Nor Audra Dayana binti Dahlan,**

Faculty of Film, Theatre and Animation  
Universiti Teknologi MARA Selangor, Puncak Perdana Campus  
40150, Shah Alam, Selangor, Malaysia

\*Corresponding author's email: [syuhaidi@salam.uitm.edu.my](mailto:syuhaidi@salam.uitm.edu.my), [drmohdsyuhaidi@gmail.com](mailto:drmohdsyuhaidi@gmail.com)

*Submission date: 15 July 2018 Accepted date: 15 October 2018 Published date: 15 November 2018*

### Abstract

The responsibility for empowering Malay is not only held by the Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) but also lies within the practitioners of film and television industry in Malaysia. However, there are still many films in Malaysia that still practice the Mixing of the Language Code in their dialogue. This study was conducted qualitatively using Text Analysis and Coding Book to see the use of mixed code mixing and internal code mixing in the J Revolusi movie (2017). The film was chosen because of the warm welcome and the number of viewers who paid attention to the movie. The findings show that there are 161 uses of mixed language code and 35 uses of internal language code mixes exist in the movie. The findings also found that the use of mixed language code was influenced by the social factors of the speakers.

**Keywords:** Outer Code Mixing, Inner Code Mixing, Qualitative

### Abstrak

Tanggungjawab untuk memperkasakan Bahasa Melayu bukan saja dipegang oleh Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP), tetapi juga pada penggiat bidang perfileman dan drama televisyen. Walaubagaimanapun masih banyak filem-filem di Malaysia yang masih mengamalkan Percampuran Kod Bahasa dalam dialog mereka. Kajian ini dijalankan secara kualitatif menggunakan Analisis Teks dan Buku Kodan untuk melihat penggunaan percampuran kod luaran dan percampuran kod dalaman di dalam filem aksi J Revolusi (2017) arahan Zulkarnain Azhar. Filem ini dipilih kerana sambutan hangat dan jumlah penonton yang telah memberikan perhatian kepada filem tersebut. Hasil kajian mendapat terdapat sebanyak 161 penggunaan percampuran kod bahasa luaran dan sebanyak 35 penggunaan percampuran kod bahasa dalaman wujud dalam filem J Revolusi. Dapatkan kajian ini juga mendapat bahawa penggunaan percampuran kod bahasa ini turut dipengaruhi oleh faktor sosial penutur.

**Kata kunci:** Percampuran Kod Bahasa, Kualitatif

## 1.0 PENGENALAN

Percampuran kod bahasa adalah penggunaan lebih daripada satu bahasa di dalam sebuah pertuturan. Sebagaimana yang dikatakan oleh Nababan, percampuran kod merupakan satu keadaan atau cara berbahasa di mana pengguna bahasa mencampurkan satu bahasa atau lebih ke dalam satu pertuturan (Tan Kooi Yee, 2009).

Menurut Bokamba (1989) pula, percampuran kod ialah percampuran perkataan, frasa dan ayat daripada dua sistem nahu yang berbeza malah melangkaui sempadan ayat dalam sesbuah pertuturan. Nomura (2003) pula menyatakan bahawa percampuran kod yang berlaku semasa pertuturan adalah disebabkan penutur ingin mencari perkataan dan frasa yang sesuai digunakan.

Menurut Hamers dan Blanc (2000), percampuran kod bahasa terbahagi kepada dua jenis iaitu *outer code mixing* dan *inner code mixing*. *Outer code mixing* atau percampuran kod luaran adalah percampuran dua jenis bahasa dalam satu pertuturan. Manakala *inner code mixing* atau percampuran kod dalaman merupakan percampuran sesbuah dialek dalam pertuturan.

Percampuran kod bahasa bukanlah sesuatu yang asing di Malaysia. Hal ini demikian kerana penduduk di Malaysia terdiri daripada pelbagai kaum dan agama. Walaupun dianggap tidak formal untuk mencampur adukkan pelbagai bahasa sekaligus ketika bertutur, percampuran kod mempunyai peranan yang penting lebih-lebih lagi di dalam komunikasi. Malah penggunaan percampuran kod bahasa ini sering berlaku secara sedar atau tidak sedar.

Grosjean (1982) mengatakan bahawa bilingualisme wujud di setiap negara, kelas masyarakat dan boleh berlaku di setiap peringkat umur. Beliau turut mengatakan bahawa fenomena ini sudah lama terbentuk sejak bermulanya kewujudan bahasa dalam sejarah manusia. Malah beliau turut mengatakan bahawa adalah amat sukar untuk mencari sebuah negara yang benar-benar ‘monolingual’ atau hanya menggunakan satu bahasa sahaja ketika bertutur. Grosjean juga berpendapat bahawa bilingual merupakan fenomena yang saling berkait rapat dengan fenomena ini malah adalah amat sukar untuk mengasingkan kedua-dua bahasa tersebut (Noor Aida Mahmor, Nasariah Mansor dan Faizah Ahmad, 2016).

## 2.0 PERMASALAHAN KAJIAN DAN TINJAUAN LITERATUR

### 2.1 Permasalahan Kajian

Menurut Abdul Aziz Itar (2007), tanggungjawab untuk memperkasakan bahasa Melayu bukan saja dipegang oleh Dewan Bahasa dan Pustaka, tetapi juga pada penggiat bidang profileman dan drama televisyen. Hal ini demikian kerana kedua-dua medium tersebut mempunyai peranan yang penting untuk memberikan pendedahan tentang penggunaan perkataan dan istilah bahasa Melayu yang betul kepada penonton. Oleh itu, kemunculan filem yang mencampur adukkan kod bahasa di dalam skrip boleh menyebabkan penonton turut mengikuti cara percakapan yang dipaparkan.

Mereka akan mula terbiasa menggunakan percampuran kod bahasa ini walaupun ketika berada di dalam urusan rasmi. Mungkin bagi sesetengah masyarakat situasi ini adalah sesuatu yang normal. Tetapi, mereka juga harus tahu bahawa dengan penggunaan percampuran kod bahasa di dalam pertuturan harian mereka ini boleh menyebabkan mereka terbiasa dan sukar untuk mencipta ayat menggunakan satu bahasa sahaja.

Berdasarkan matlamat Dasar Kebudayaan Kebangsaan yang dirangka lebih 47 tahun yang lalu, filem adalah salah satu elemen yang memainkan peranan dalam pembentukan bangsa dan budaya negara kita. Tetapi, sejauh manakah peranan yang dipegang itu terlaksana? Percampuran kod bahasa luaran di dalam filem boleh menyebabkan berlakunya kecelaruan penggunaan bahasa. Hal ini demikian kerana, bahasa memainkan peranan yang penting dalam pembentukan budaya kita.

Menurut Utusan Malaysia (2005), kecenderungan menggunakan campuran bahasa Inggeris ke dalam bahasa Melayu semakin merisaukan. Tetapi pembikin filem mempunyai pendapat yang berbeza dalam penggunaan bahasa campur ini. Bagi mereka, itu adalah sebahagian daripada realiti kehidupan masyarakat. Akan tetapi bagi mereka yang merupakan pencinta bahasa, filem-filem yang menggunakan bahasa percampuran ini adalah penyumbang kepada kecelaruan dan kerosakan bahasa kebangsaan.

Menurutnya lagi, penggunaan dialek yang betul pula mempunyai kesan dan peranan tersendiri dalam filem yang harus dibezaikan dengan bahasa rojak. Perkara ini berkait rapat dengan percampuran kod bahasa dalaman yang melibatkan penggunaan dialek di dalam sebuah pertuturan. Walaupun penggunaan dialek di dalam percakapan merupakan salah satu jenis percampuran kod bahasa, tetapi ianya mampu memberi kesan yang hebat kepada penonton. Hal ini demikian kerana percampuran kod dalaman juga masih berada di dalam kategori bahasa Melayu, hanya berlainan sebutan dan ejaan sahaja jika dibandingkan dengan perkataan asal.

Kenyataan Sultan Perak, Sultan Nazrin Muizzuddin Shah di akhbar Berita Harian pada 5 Oktober 2016 memberitahu bahawa baginda mahu penggubalan dasar pengajaran Bahasa Inggeris melahirkan generasi menguasai dwibahasa dan bersifat global, namun turut menjamin kedaulatan Bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan seperti peruntukan perlombagaan. Di sini dapat dilihat bahawa penggunaan kedua-dua bahasa iaitu Bahasa Inggeris dan Bahasa Melayu adalah penting.

Walaubagaimanapun, Bahasa Melayu haruslah menjadi keutamaan masyarakat walaupun mereka sudah fasih berbahasa Inggeris. Baginda juga bertitah, negara dan bangsa ketika ini menghadapi cabaran mengolah formula yang dapat mengimbangi hasrat mempertahankan kedaulatan bahasa kebangsaan dengan keperluan melahirkan masyarakat dwibahasa. Di sini dapat dilihat bahawa kerajaan ingin melahirkan masyarakat yang boleh bertutur dua bahasa tetapi dalam masa yang sama, tetapi tidak akan lupa untuk memartabatkan bahasa ibunda. Oleh itu tidak hairanlah sekiranya fenomena percampuran kod bahasa boleh menenggelamkan penggunaan bahasa kebangsaan lebih-lebih lagi sekiranya masyarakat lebih menggunakan Bahasa Inggeris berbanding Bahasa Melayu.

Berdasarkan pernyataan masalah yang dinyatakan di atas, pengarah filem haruslah menitikberatkan penggunaan bahasa Melayu yang betul di dalam filem untuk meningkatkan lagi martabat bahasa Melayu di negara kita. Filem-filem yang mempunyai kod percampuran bahasa ini sering ditayangkan di pawagam dan boleh menyebabkan generasi muda terpengaruh dengan penggunaan percampuran kod bahasa sekaligus menjadikannya suatu kebiasaan di dalam aktiviti harian mereka. Perkara ini haruslah dielakkan untuk memastikan mereka sentiasa peka dengan penggunaan bahasa yang sesuai.

## 2.2 TINJAUAN LITERATUR

Menurut Abdullah Hassan (2004), di dalam setiap kumpulan sesuatu kaum, setiap daripada mereka menggunakan pelbagai jenis bahasa dan dialek di dalam pertuturan. Terdapat pelbagai jenis bahasa yang

dicampur adukkan di dalam pertuturan. Ini turut melibatkan jenis bahasa-bahasa kaum Cina seperti Hokkien, Kantonis, Hakka, Hainanese, Kwongsai, Hokchiu, Henghua, dan lain-lain. Sama juga seperti kaum India yang mempunyai pelbagai jenis bahasa seperti Tamil, Telugu, Malayalam, Bengali, Gujarati, Marathi, Oriya, Punjabi dan Sinhalese (Sri Lanka).

Prof Dr Muhammad Salleh (2002), berkata pandangan yang mengatakan bahawa Bahasa Melayu tidak boleh mempunyai keupayaan untuk menjadi bahasa ilmu adalah tidak benar sama sekali kerana telah ramai cendekiawan telah lahir dengan berteraskan bahasa Melayu. Katanya bahasa melayu sudah menjadi bahasa yang digunakan sejak ribuan tahun lalu hingga mempunyai hampir 800,000 istilah dalam pelbagai bidang. Oleh itu, kenyataan mendakwa bahasa kebangsaan itu tidak mampu menandingi bahasa Inggeris adalah salah sama sekali.

Bahasa Melayu amat penting kerana ianya merupakan identiti rakyat Malaysia dan perlu diberi penghormatan yang sewajarnya (Datuk Hishammudin Tun Hussein, 2005). Walaubagaimanapun, kata beliau bahasa Inggeris tetap harus menjadi keutamaan kerana kepentingan bahasa Inggeris adalah merentasi sempadan mana-mana negara.

Bahasa kebangsaan sudah terpatri kemas dalam undang-undang tertinggi negara, iaitu Perlembagaan Malaysia. Namun begitu, yang menyedihkan kita ialah roh dan semangat Perkara 152 dan Akta Bahasa Kebangsaan 1963/67 dilihat tidak dihayati sepenuhnya dan seolah-olah sengaja dilupakan dan tidak dipedulikan oleh segelintir rakyat kita sendiri (Noor Mohamad Shakil Hamid, 2012). Oleh kerana itu, rasa cinta terhadap bahasa ibunda ini haruslah dipupuk sejak kecil lagi.

Menurut Leon Ang Kok Leong (2016), buku cerita kanak-kanak dalam bahasa Inggeris lebih mendapat sambutan berbanding buku cerita di dalam bahasa Melayu. Kanak-kanak yang tinggal di kawasan bandar lebih gemar membaca buku cerita dongeng seperti 'Rapunzel', 'Snow White' dan 'Cinderella'. Kanak-kanak di kawasan luar bandar pula lebih meminati buku cerita dalam bahasa Melayu. Statistik ini dilihat apabila permintaan buku bahasa Melayu adalah lebih tinggi di kawasan luar bandar berbanding di bandar.

Datuk Dr Teo Kok Seong (2017) memberitahu bahawa bahasa ini bukanlah hanya untuk berkomunikasi sahaja tetapi juga bertindak sebagai alat penyatuan kaum. Perkara ini terbukti apabila kita memperlihatkan pada sejarah dunia. Di mana sistem tulisan yang digunakan pada zaman purba dahulu telah berjaya membawa perpaduan keseluruhan negeri China. Oleh itu, kaedah penyatuan secara linguistik ini juga boleh dilakukan untuk membentuk sebuah negara yang bersatu.

Bahasa Melayu sebenarnya tidak diendahkan bukan saja di dalam filem malah pada majlis-majlis rasmi yang sewajarnya digunakan bahasa Melayu (Ku Seman Ku Hussain, 2005). Malah, sesetengah individu juga dengan bangganya menggunakan bahasa Inggeris ketika bertutur samada dalam situasi komunikasi harian mahupun untuk rakaman di kaca televisyen.

Oleh yang demikian, penggunaan percampuran kod bahasa di dalam filem ini seharusnya dipandang serius oleh penggiat seni tanah air. Sudah tentu kita tidak mahu industri perfileman ini seolah-olah menjadi ejen perosak dalam usaha kita untuk memartabatkan bahasa kebangsaan yang dipandang tinggi. Seharusnya pengarah filem sedar bahawa filem turut memainkan peranan dalam pembentukan bangsa dan bahasa masyarakat. Kerana itulah penggunaan bahasa yang betul haruslah diaplikasikan di dalam sebuah skrip mahupun apa-apa karya seni.

### 3.0 KADEAH KAJIAN

Kajian ini dijalankan secara kualitatif menggunakan Analisis Teks dan Buku Kodan untuk melihat penggunaan percampuran kod luaran dan percampuran kod dalaman di dalam filem aksi J Revolusi (2017) arahan Zulkarnain Azhar kerana sambutan hangat filem dan jumlah penonton yang telah memberikan perhatian kepada filem tersebut. Filem tersebut ditonton berulangkali untuk Analisis Teks dan semua penggunaan percampuran kod bahasa direkodkan dalam Buku Kodan.

### 4.0 DAPATAN KAJIAN

#### 4.1 Percampuran Kod Bahasa Luaran

Hasil kajian mendapati terdapat sebanyak 161 penggunaan percampuran kod bahasa luaran wujud dalam filem J Revolusi.

| Bil | Dialog   | Minit |
|-----|--|-------|
| 1.  | <i>Roger jerung, roger.</i>  | 1:53  |
| 2.  | <i>Baik. Roger Falcon baby, report darling.</i>  | 2:20  |
| 3.  | <i>Its okay. I akan buat dekat you satu lens yang sangat dahsyat baby. Don't worry.</i>  | 2:22  |
| 4.  | <i>Sierra 1, kelihatan empat Tango berkeliaran dalam sarang.</i>   | 3:09  |
| 5.  | <i>Roger Sierra 1.</i>   | 3:12  |
| 6.  | <i>Sierra 4, dua kotak menghampiri kawasan kuning.</i>   | 3:14  |
| 7.  | <i>Dragon 1 terima.</i>  | 3:19  |
| 8.  | <i>Sierra 1, lapan Tango menghampiri sarang biru, dua Tango arah merah.</i>  | 3:26  |
| 9.  | <i>Sierra 1, Dragon 1, sasaran dikenal pasti dari arah merah jarak 100m, over.</i>   | 3:32  |
| 10. | <i>Confirm sasaran.</i>  | 3:45  |
| 11. | <i>Roger komander.</i>   | 3:46  |
| 12. | <i>This is to Falcon 1, target menghampiri, over.</i>  | 3:49  |
| 13. | <i>Roger bos.</i>  | 3:50  |
| 14. | <i>Sierra satu, Dragon 1, dua Tango menghala ke arah kuning. Over.</i>   | 4:03  |
| 15. | <i>Remote ini saya telah set kepada satu frequency untuk ultimate dna ultra-virus</i>  | 44:18 |
| 16. | <i>Sebelum di activate, mangsa tidak akan tahu dia dijangkiti. Tapi setelah kita activate, mangsa akan mati dalam tempoh 30 minit.</i> | 4:24  |
| 17. | <i>Apa update?</i>   | 4:34  |
| 18. | <i>Dragon 1, serang!</i>   | 4:49  |
| 19. | <i>Dragon 1, Sierra 1, Sierra 3, clear kan aras hijau dan kuning sekarang. Dragon 1, Dragon 2, move it.</i>                            | 4:51  |

|     |   |       |
|-----|---|-------|
| 20. | <i>Roger, Dragon 1.</i>   | 4:58  |
| 21. | <i>Sierra 2, Dragon 1, arah hijau.</i>  | 5:05  |
| 22. | <i>Siapa site reader Dragon 1?</i>  | 6:10  |
| 23. | Lebih 53 OPS sebagai <i>site leader</i> . 100% <i>success</i> dalam setiap OPS, tak pernah gagal.   |       |
| 24. | Tu semua sikit je tu Dato' Sri. Dia baru bukak sikit je tak habis lagi. <i>There's more to come.</i>  | 6:19  |
| 25. | <i>Falcon 1, arahan kamu untuk cam sasaran, bukan tangkap dia!</i>  | 6:49  |
| 26. | Saya terpaksa <i>chief</i> . Takkan nak biar je.  | 6:52  |
| 27. | Komander, kita kena halang <i>Falcon 1</i> !  | 6:54  |
| 28. | Saya tahu apa saya buat. <i>Drop it, let him go.</i>  | 6:58  |
| 29. | <i>Falcon 1, kamu tak terlatih dalam situasi macam ni.</i>  | 7:04  |
| 30. | Siapa yang paling dekat dengan <i>Falcon 1</i> ?  | 7:25  |
| 31. | <i>Dragon 1, Dragon 2. Mereka ada beberapa meter daripada makmal, komander.</i>   | 7:27  |
| 32. | <i>Dragon 1, tangkap sasaran! Dragon 2, selamatkan Falcon 1, Falcon 2!</i>  | 7:30  |
| 33. | <i>Dragon 1, proceed as expected.</i>   | 7:58  |
| 34. | <i>Dragon 2, ikut arahan!</i>   | 8:00  |
| 35. | <i>Dragon 2, report.</i>  | 8:07  |
| 36. | Semua, <i>hold!</i>   | 9:13  |
| 37. | <i>Proud of you gila.</i>   | 13:37 |
| 38. | DFO mintak <i>HQ</i> serahkan ultra-virus tu kepada mereka dan meeka akan serahkan balik Dian. Tapi <i>HQ</i> tak setuju. <i>HQ</i> buat keputusan untuk tak berunding. | 14:34 |
| 39. | Jadi apa arahan untuk saya sekarang, <i>chief</i> ?   | 15:20 |
| 40. | <i>As for Dragon 2, surveillance dan sniper di sini. Yang lain standby di perimeter bangunan.</i>   | 15:22 |
| 41. | <i>Dragon 1 akan pandu ke pintu masuk utara dan masuk ke lokasi beseorangan.</i>  | 15:28 |
| 42. | Skuad yang lain pastikan <i>Dragon 1</i> keluar dari lokasi membawa ultra-virus.  | 15:33 |
| 43. | Tak. Aku kena pergi <i>central complex</i> . So aku nak kena apa, <i>HQ</i> suruh aku <i>lead</i> untuk <i>Cat 1</i> .  | 16:30 |
| 44. | <i>Cat 1 based</i> , tiga UTK <i>line tengah cover behind target areas</i> . <i>Cat 1</i> di <i>central complex</i> ikuti bos.  | 17:05 |
| 45. | <i>Sierra 1 based Tango negatif. Roger Sierra 1. Dragon 2, standby.</i>   | 17:12 |
| 46. | <i>Sierra 1, based duduk masuk blok.</i>  | 17:18 |
| 47. | <i>Roger Sierra 1.</i>  | 17:20 |
| 48. | <i>Cat 2, Bukit Bintang clear. Ada 40 road block di semua laluan utama KL.</i>  | 17:23 |

|     |  |       |
|-----|--|-------|
| 49. | <i>Based</i> , duduk. <i>Proceed</i> arah selatan, tingkat atas, <i>over</i> .   | 17:33 |
| 50. | <i>Sierra 1, Dragon 1, Tango</i> negatif. Duduk, hati-hati.  | 17:40 |
| 51. | <i>Dragon 1, standy</i> .  | 17:50 |
| 52. | Belum nampak <i>Tango, Dragon 1</i> . Masuk arah hijau.  | 17:54 |
| 53. | <i>Roger Dragon 1</i> .  | 18:07 |
| 54. | Duduk ke <i>based</i> ? Kawasan <i>clear</i> .   | 18:13 |
| 55. | <i>Proceed to greet and clear to engage</i> .  | 18:18 |
| 56. | <i>Dragon 1, Dragon 2, standby</i> . 8 tahun unit tindakhas, 53 <i>mission</i> tak pernah gagal.                             | 20:39 |
| 57. | <i>Consign Andra</i> , skuad Jay tak tahu. <i>Mission</i> , Jay tak tahu. Berdiri, melutut, <i>domestic, international</i> . | 21:09 |
| 58. | <i>Dragon 1, Dragon 2</i> . Dua <i>Dragon</i> tak cukup lawan <i>Andra Jay</i> .   | 21:46 |
| 59. | <i>Dragon 2, eta two minutes</i> . <i>Dragon 2</i> nak tangkap siapa Jay?  | 22:04 |
| 60. | <i>Cat 1, into pace</i> .  | 24:28 |
| 61. | <i>This to Cat 1. Sound leader. Status please</i> .  | 24.31 |
| 62. | Benda ni yang buat <i>jammed signals</i> kita tadi. Forensik jumpa.  | 29:10 |
| 63. | <i>So?</i> Aku faham perasaan kau.   | 29:18 |
| 64. | Tau la apa aku nak jawab dengan <i>HQ</i> .  | 29:33 |
| 65. | Aku dah cakap dekat <i>HQ</i> , kau tak payah nak bawa virus tu.   | 30:36 |
| 66. | Tak payah <i>trace</i> , saya tahu tempat tu.  | 34:46 |
| 67. | <i>HQ</i> cakap jangan bawa virus betul kau bawa juga.   | 40:14 |
| 68. | Dia selalu rasa <i>chief</i> sayang aku lebih dari dia.  | 42:37 |
| 69. | Aku jadi kau punya <i>co-pilot</i> eh?   | 43:07 |
| 70. | <i>Daddy's home</i> Katy! Katy Perry, papa dah balik.  | 43:24 |
| 71. | Katy, nasi goreng aku paham. Yang kawan tu, <i>how do you think Katy?</i>  | 44:02 |
| 72. | Amboi sejak jadi <i>supervisor</i> ni selalu balik lambat.   | 44:12 |
| 73. | Dia kalau kat <i>office</i> kalau dia tak ada tak jalan la kerja, makcik.  | 44:17 |
| 74. | <i>Sit down</i> . Sini la duduk.   | 45:09 |
| 75. | Pasal <i>girlfriend</i> tu tak tahu lah makcik tapi yang saya tahu dekat <i>office</i> tu memang ramai yang minat dekat dia. | 45:38 |
| 76. | <i>What are you talking mama?</i> Saya ni kerja banyak. Saya bukan jenis orang duduk rumah main dengan Katy.                 | 46:16 |
| 77. | Dia lari tau mak. Dia lari dia tinggal <i>office</i> semua pening.   | 46:41 |
| 78. | Budak <i>IT</i> tu memang <i>demand</i> , memang tak dapat la. <i>So sorry, I don't think so</i> .                           | 47:03 |
| 79. | <i>Stop it. Stop it.</i> Tak boleh. <i>Still no</i> .  | 47:22 |

|      |   |        |
|------|---|--------|
| 80.  | <i>Pothum maa.. Pinnadi poo kacau pannatha.</i>   | 47:43  |
| 81.  | Ni masa Jiman suruh aku skodeng benda ni aku dan tau apa benda ni. Ni dipanggil <i>interface</i> .                    | 48:12  |
| 82.  | Kad saya. Kalau nampak kawan Herman, <i>call</i> .  | 50:27  |
| 83.  | Yang pakai <i>cap</i> tu?   | 52.23  |
| 84.  | <i>Can I help you?</i>  | 52:47  |
| 85.  | <i>So what? I don't know you dude.</i>  | 52:53  |
| 86.  | <i>So you are the guy.</i>  | 53:01  |
| 87.  | <i>What guy?</i>  | 53:02  |
| 88.  | <i>The guy with stuff.</i>  | 53:04  |
| 89.  | <i>What stuff?</i>  | 53:05  |
| 90.  | <i>What are you talking about?</i>  | 53:06  |
| 91.  | <i>Who are you? Who's this guy?</i>   | 53:09  |
| 92.  | <i>What are you doing here?</i>   | 53:11  |
| 93.  | <i>Boys!</i>  | 53:12  |
| 94.  | <i>Cumanya different father and mother.</i>   | 54:36  |
| 95.  | <i>Hey, shut up.</i>  | 55:00  |
| 96.  | <i>Tango dalam kereta, confirm.</i>   | 55:07  |
| 97.  | Kenapa baik sangat ni <i>bro</i> ?  | 55:44  |
| 98.  | Hahaha! Macam tu je ke <i>bro</i> ?   | 55:55  |
| 99.  | <i>You know what? Give me your best shot bro. You scared nothing out of me.</i>                                       | 56:27  |
| 100. | <i>Jay please! I akan handle dari sini. Please Jay, please.</i>   | 56:56  |
| 101. | <i>You know what? You get out of here!</i>  | 57:00  |
| 102. | Dah <i>ready</i> nak cakap belum?   | 57.22  |
| 103. | Eh sebenarnya kau ni budak <i>hot</i> tau. Apa kata lepas kau habis buat kerja-kerja ni kita pergi <i>dating</i> nak? | 57:30  |
| 104. | Dah <i>ready</i> nak cakap?   | 58:14  |
| 105. | Eh sayang, <i>aircond</i> dekat <i>penthouse</i> aku tu lagi sejuk daripada ni kau tahu tak?                          | 58:19  |
| 106. | Sejuk? Ni. Nak <i>towel</i> ?   | 58:34  |
| 107. | Allah. <i>Sorry</i> kotor.  | 58:42  |
| 108. | <i>Its huge!</i>  | 58:58  |
| 109. | Kau bagi aku masa lima belas minit. Aku dah dapat <i>clue</i> pasal dia dalam internet.                               | 59:07  |
| 110. | <i>Business Andra jual pisau tapi dia suruh cover.</i>  | 1:0:43 |

|      |  |         |
|------|--|---------|
| 111. | <i>Cover untuk apa?</i>  | 1:0:46  |
| 112. | <i>Business jual senjata.</i>  | 1:0:47  |
| 113. | Kau tak kenal dia <i>bro</i> .   | 1:0:57  |
| 114. | Tutup semua laluan! Jangan bagi siapa-siapa keluar! <i>Now!</i>  | 1:02:13 |
| 115. | <i>Find him.</i>   | 1:02:44 |
| 116. | <i>Wa, zui hou dou nin cheh dou gei hei bai ngo dei ah.</i>  | 1:03:16 |
| 117. | <i>Nice day for a walk. Is it?</i>   | 1:03:33 |
| 118. | <i>And that is what you get for messing with the wrong man.</i>  | 1:03:43 |
| 119. | Saya dah arahkan <i>escort</i> untuk teman komander. Lagi satu, skodeng dah sediakan <i>tracker</i> dalam pen ni. Apa-apa jadi, kita boleh cari komander.  | 1:04:54 |
| 120. | <i>Ni tracker.</i>   | 1:06:11 |
| 121. | Hai, ada hati nak <i>try</i> aku ke Jay?   | 1:06:31 |
| 122. | Tak pernah tengok orang pakai <i>dress</i> ?   | 1:06:42 |
| 123. | Jay, tak selalu pakai <i>dress</i> kan. Selalu pakai <i>uniform</i> je. <i>So</i> , siew yang pilih.   | 1:06:46 |
| 124. | Nak keluar, <i>get ready</i> .   | 1:07:13 |
| 125. | ' <i>Get ready</i> '. Itu ayat yang terakhir daripada Jay.   | 1:07:14 |
| 126. | <i>Good evening ladies and gentleman, and welcome to tonight's auction. Now we would like to remind you that all transactions are in US dollars only. Without further due, we would like to begin on our first piece. Tonight we will be auctioning the works of Arjin Jucstar? Beginning with our first painting. We will begin tonight's bid with a hundred billion dollar. Do I hear a hundred?</i> | 1:08:19 |
| 127. | <i>Ah that makes our bid become one hundred and twenty billion dollar.</i>   | 1:08:44 |
| 128. | <i>A hundred and fifty billion dollar to the gentleman at the fifth row.</i>   | 1:08:52 |
| 129. | <i>A hundred and sixty</i>   | 1:08:56 |
| 130. | Kau <i>stay</i> sini. Aku nak cari Andra.  | 1:08:56 |
| 131. | Dua-dua bergerak dengan <i>Tango</i> sekarang.   | 1:09:10 |
| 132. | <i>Copy that Edi!</i>  | 1:09:15 |
| 133. | <i>Come on someone say something! Someone say something!</i>   | 1:14:11 |
| 134. | Aku nampak kau seronok pakai <i>tux</i> je? Datang dengan gadis mungkin nak ber-dating?  | 1:14:29 |
| 135. | <i>Am I interupting something? Andra, you know im a busy man. What I would like, is a demonstration of this very expensive weapon of mass instruction.</i>   | 1:14:50 |
| 136. | <i>The ultra-virus and your demonstration.</i>   | 1:15:03 |
| 137. | Okay <i>fine</i> . Ni semua salah aku.   | 1:15:15 |
| 138. | Kita tengok kalau <i>chief</i> percaya dekat kau lepasni.  | 1:15:40 |
| 139. | Edi kena jangkit. <i>Track</i> virus tu, antidot dia sekali. Ikut mereka sekarang.   | 1:16:16 |

|      |   |         |
|------|---|---------|
| 140. | Jay tapi ni kereta baru aku ni Jay. <i>Very soft</i> ni Jay.                                      | 1:16:23 |
| 141. | <i>Mission accomplish.</i>  | 1:17:55 |
| 142. | <i>Pleasure is all mine.</i>  | 1:19:06 |
| 143. | Kita punya <i>duty</i> apa? <i>Its to protect Jay!</i>  | 1:25:14 |
| 144. | Ini kita dah boleh bagitau dekat <i>HQ</i> . Kita boleh <i>closed down</i> semua <i>airport</i> . | 1:25:55 |
| 145. | Aku nak pergi rumah <i>chief</i> .  | 1:26:27 |
| 146. | Aku dari rumah <i>chief</i> . Dia tak ada rumah.  | 1:27:00 |
| 147. | <i>HQ</i> ada hantar skuad juga.  | 1:27:04 |
| 148. | Kita dah <i>track</i> komander, dalam kereta Andra.   | 1:27:08 |
| 149. | Skodeng, kau <i>in charge</i> .   | 1:27:23 |
| 150. | Ha? Aku <i>in charge</i> ?  | 1:27:24 |
| 151. | Hei! <i>Stand down! Stand down! Hold!</i>   | 1:34:01 |
| 152. | Jiman, Jiman! <i>Stand down! Stand down!</i> semua!   | 1:34:04 |
| 153. | <i>All consigned</i> , jangan bertindak selagi aku tak bagi arahan.                               | 1:34:10 |
| 154. | <i>Hold!</i> Semua <i>stand down!</i>   | 1:34:14 |
| 155. | <i>Chief!</i> Bukan abah!   | 1:34:36 |
| 156. | Macam-macam dah kita hilang. <i>You know, you still wanna do this?</i>                            | 1:40:12 |
| 157. | <i>Tango eta fourty five minutes.</i>   | 1:40:44 |
| 158. | <i>Roger this. Out.</i>   | 1:40:46 |
| 159. | So Skodeng, <i>finally</i> kita nak bertugas dah. <i>Ready?</i>                                   | 1:40:48 |
| 160. | <i>Ready. Are you ready?</i>  | 1:40:51 |
| 161. | Aku <i>ready</i> ?  | 1:40:56 |

**JUMLAH PERCAMPURAN KOD DALAMAN****161****4.2 PERCAMPURAN KOD BAHASA DALAMAN**

Hasil kajian mendapat sebanyak 35 penggunaan percampuran kod bahasa dalaman wujud dalam filem J Revolusi.

| Bil | Dialog   | Minit |
|-----|--|-------|
| 1.  | Hei, <i>hangpa</i> jangan tak <i>mai</i> pulak nanti <i>na</i> !   | 1:43  |
| 2.  | <i>Hangpa</i> jangan sembang, <i>hangpa</i> tau <i>dak</i> aku dengan shah bukan sebab<br>aku takut dengan shah. | 12:25 |
| 3.  | <i>Awat hang</i> cepat sangat suspek Jay?  | 33:58 |

|     |  |         |
|-----|--|---------|
| 4.  | Cuba <i>belajaq</i> jawab salam.   | 43:28   |
| 5.  | <i>Pasaipa</i> balik lambat?   | 43:44   |
| 6.  | Ni, lupa nak <i>habaq</i> ada orang mai.   | 43:58   |
| 7.  | Panggil Ida jela <i>na</i> ? Haha cantik nama. <i>Sat na</i> , mak ambik <i>ayaq na</i> .  | 44:39   |
| 8.  | Yang <i>hang duk</i> diri tu <i>pasaipa</i> duduk la.  | 45:17   |
| 9.  | <i>Mai</i> sudu <i>sat</i> .   | 45:22   |
| 10. | Pening la makcik <i>dengaq hangpa</i> dua ni berborak.   | 47:30   |
| 11. | Ida makan ye ida <i>na</i> .   | 47:34   |
| 12. | <i>La</i> ni tak cukup, mak pergi ambil lagi <i>na</i> .   | 47:40   |
| 13. | <i>Hang</i> cakap apa tadi? <i>Hang</i> cakap nak dapat aku macam ni?  | 47:49   |
| 14. | Ya <i>sabaq sat na</i> .   | 49:29   |
| 15. | Anak ni kawan Herman <i>ka</i> ? <i>Awat</i> tak <i>habaq</i> .  | 49:44   |
| 16. | Herman <i>takdak</i> rumah.  | 49:52   |
| 17. | Oh dia balik dah tadi, pastu dia <i>keluaq</i> balik dengan kawan dia.   | 49:57   |
| 18. | <i>Sapo</i> tu?  | 50:09   |
| 19. | Tak <i>kenai</i> .   | 50:12   |
| 20. | <i>Sat sat</i> . Ni pelakon drama tu kan?  | 50:16   |
| 21. | Mak memang tak pernah tanya pasal kerja <i>hang</i> . Tapi apa-apa pun yang <i>hang</i> buat, <i>hang</i> tetap anak mak. Mak tetap sayang <i>hang</i> . | 50:47   |
| 22. | Rupanya <i>hang</i> pun macam aku jugak?   | 54:34   |
| 23. | Cuba <i>hang</i> pusing belakang.  | 1:01:30 |
| 24. | Weh <i>hang pi</i> laju sangat pening la aku nak cari.   | 1:02:18 |
| 25. | Ha tak <i>menyesai</i> aku tengok <i>Mission Impossible</i> selama ni.   | 1:02:36 |
| 26. | Jay, <i>hang</i> tau kat dahi aku <i>keluaq</i> apa?   | 1:05:51 |
| 27. | <i>Hang</i> tau ni aku pegang apa?   | 1:06:09 |
| 28. | <i>Hang awat</i> ?   | 1:06:39 |
| 29. | <i>Sat gi</i> jadi apa-apa dia tumbuk muka aku Jay.  | 1:16:26 |
| 30. | Sampai hati <i>hang</i> .  | 1:16:31 |
| 31. | Ni Skodeng la. <i>Hang</i> nak lari mana?  | 1:16:42 |
| 32. | Hampir semua skuad <i>hang</i> semua dah mati dah!   | 1:26:10 |
| 33. | Jay sekarang <i>depa</i> tengah menghala ke Jalan Tun Razak.   | 1:27:14 |

34. Tapi satu benda aku boleh terima Jay. Aku nak terima kasih dekat *hang*. 1:39:41
35. Aku nak tanya *hang*. Macam-macam dah kita lalui. 1:40:03

## **5.0 KESIMPULAN**

Hasil kajian mendapat terdapat sebanyak 161 penggunaan percampuran kod bahasa luaran dan sebanyak 35 penggunaan percampuran kod bahasa dalaman wujud dalam filem J Revolusi. Dapatan kajian ini juga mendapat bahawa penggunaan percampuran kod bahasa ini turut dipengaruhi oleh faktor sosial penutur.

Berdasarkan naratif filem ini, kajian ini ingin menyimpulkan bahawa penggunaan percampuran kod bahasa oleh seseorang individu adalah dipengaruhi oleh faktor sosialnya. Faktor sosial di sini merangkumi dari aspek pendidikan, latar belakang dan kehidupan sehari-hari mereka.

Dari segi pendidikan, berkemungkinan mereka lebih terdedah kepada penggunaan bahasa luar seperti bahasa Inggeris, bahasa Mandarin dan bahasa Tamil ketika di sekolah mahupun di peringkat universiti. Seseorang yang lebih banyak terdedah kepada dunia luar samada mereka lebih banyak menonton filem atau mendengar lagu bahasa asing, mereka lebih banyak menggunakan percampuran kod bahasa di dalam pertuturan harian mereka.

Dari segi latar belakang pula, ianya bergantung kepada bahasa yang kerap digunakan di dalam keluarga mereka samada menggunakan percampuran kod bahasa luaran mahupun dalaman. Individu yang dibesarkan di kawasan bandar lebih banyak menggunakan percampuran kod bahasa luaran. Hal ini demikian kerana mereka dibesarkan di dalam suasana moden yang lebih banyak mendapat pendedahan terhadap bahasa asing dalam kehidupan harian mereka.

Pendedahan kepada bahasa asing ini boleh menyebabkan mereka turut terikut menggunakan bahasa itu. Individu yang membesar di kawasan luar bandar pula mungkin lebih banyak menggunakan percampuran kod dalaman. Perkara ini terjadi kerana faktor latar belakang setiap individu tersebut. Maka, penggunaan percampuran kod bahasa luaran dan dalaman berlaku mengikut faktor sosial masing-masing.

Seseorang individu boleh terpengaruh dengan penggunaan bahasa di sekeliling mereka. Oleh itu tidak hairanlah sekiranya mereka terbiasa menggunakan percampuran kod bahasa ketika bertutur. Keperluan memilih bahasa yang ingin digunakan ketika bertutur bergantung kepada konteks dan situasi penutur di dalam sesebuah perbualan seperti yang dikatakan oleh Hoffman (1991).

Beliau turut mendefinisikan percampuran kod bahasa sebagai sebuah penukaran ayat yang berlaku dalam situasi tidak formal. Malah perkara ini turut terjadi di kalangan mereka yang berkongsi latar belakang pendidikan, etnik dan sosioekonomi.

Walaupun percampuran kod bahasa dikatakan hanya berlaku dalam situasi tidak formal, tidak mustahil juga sekiranya ianya berlaku dalam situasi formal. Kita sedia maklum bahawa di dalam sesebuah situasi mahupun majlis yang formal, bahasa yang digunakan juga haruslah selari dengan keadaan. Oleh itu jika kita menggabungkan pelbagai jenis bahasa di dalam pertuturan ketika situasi formal, ianya akan memberi gambaran seolah-olah kita tidak bersikap profesional.

Tanggapan orang lain terhadap kita juga akan turut dipengaruhi. Oleh yang demikian, kita haruslah bijak menggunakan bahasa yang sesuai mengikut situasi dan keadaan sekeliling tanpa memperlihatkan percampuran bahasa yang digunakan.

Bahasa Melayu merupakan bahasa rasmi negara Malaysia malah ianya juga merupakan bahasa natif untuk bangsa melayu. Namun begitu, penggunaan bahasa Inggeris atau mana-mana bahasa asing sering mempengaruhi penggunaan bahasa Melayu dalam komunikasi harian kita. Walaupun begitu, penggunaan percampuran kod bahasa dalaman pula sedikit sebanyak dapat memperlihatkan budaya kita sebagai warganegara Malaysia.

Hal ini demikian kerana percampuran kod bahasa dalaman melibatkan dialek yang berasal dari negeri-negeri yang terdapat di Malaysia seperti Kelantan, Pahang dan Negeri Sembilan. Walaupun dikategorikan sebagai percampuran kod bahasa, tetapi ianya tetap melibatkan bahasa Melayu dan mencerminkan budaya bahasa seseorang individu mengikut dialek negeri yang digunakan.

Penggunaan percampuran kod bahasa ini sebenarnya merupakan cerminan jati diri dan budaya sesebuah bangsa. Oleh hal yang demikian, penggunaan bahasa yang betul dalam komunikasi adalah amat penting kerana ianya seolah-olah mewakili penggunaan bahasa yang sebenar. Imej negara kita yang mementingkan peradaban dalam sesebuah pergaulan menyebabkan pentingnya untuk kita menjaga penggunaan bahasa yang betul.

Oleh yang demikian, penggunaan percampuran kod bahasa di dalam filem di Malaysia seharusnya dipandang serius oleh penggiat seni tanahair dan pihak berwajib. Sudah tentu kita tidak mahu industri perfileman ini seolah-olah menjadi ejen perosak dalam usaha kerajaan untuk memartabatkan bahasa kebangsaan ke aras yang lebih tinggi.

## Rujukan

- Abd. Aziz Itar. (2007). Filem, drama penyumbang bahasa rojak. *Utusan Online*. Dipetik daripada [http://ww1.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2007&dt=1129&pub=Utusan\\_Malaysia&sec=Rencana&pg=re\\_02.htm](http://ww1.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2007&dt=1129&pub=Utusan_Malaysia&sec=Rencana&pg=re_02.htm)
- Abdullah Hassan. (2004). One hundreds years of language planning in Malaysia: looking ahead to the future. *Language in India*. Dipetik daripada <http://www.languageinindia.com/nov2004/abdulla1.html>
- Alias Ismail. (2016). Bahasa Melayu jati diri filem kita. *Dewan Budaya*, 38(6), 16-19.
- Amran Kasmin. (1991). *Religion and social change among the indigenous people of the Malay Peninsula*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmah Hj. Omar. (1982). *Language and society in Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Bernama. (2016). Perlu pendekatan jelas tingkat penggunaan bahasa Melayu- Rais. *Berita Harian*. Dipetik daripada <https://www.bharian.com.my/node/150071>
- Bokomba, E. G. (1989). Are there syntactic constraints in code-mixing? *World Englishes*, 8(3), 277-292
- Datuk Dr. Teo Kok Seong. (2017). Bahasa kebangsaan sebagai alat penyatuan bangsa. *Utusan Online*. Dipetik daripada <http://www.utusan.com.my/pendidikan/sastera/bahasa-kebangsaan-sebagai-alat-penyatuan-bangsa-1.522261>

- Farihad Shalla Mahmud. (2016). Ketangkasan UTK jadi taruhan filem J Revolusi. *Berita Harian Online*. Dipetik daripada <https://www.bharian.com.my/node/145677>
- Ferguson, C. (1959). Diglossia. *Word*, 15, 325-340. doi: 10.1080/00437956.1959.11659702
- Grosjean, F. (1982). *Life with two languages. An Introduction to bilingualism*. Cambridges, Mass: Harvard University Press.
- Hafizah Iszahanid. (2016). Bahasa Melayu tentukan identiti bangsa Malaysia. *Berita Harian*. Dipetik daripada <https://www.bharian.com.my/rencana/sastera/2017/10/332794/bahasa-melayu-tentukan-identiti-bangsa-malaysia>
- Hamers, J. F. & Blanc, H. A. (2000). *Bilinguality and bilingualism*. Cambridge: Cambridge University Press.
- Hassan Mohd. Noor & Noor Azam Shairi. (2005). Melayu tidak akan tercicir-Penguasaan bahasa Inggeris saintifik akan mengangkat martabat bangsa. *Utusan Online*. Dipetik daripada [http://ww1.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2005&dt=0403&pub=Utusan\\_Malaysia&sec=Rencana&pg=re\\_04.htm](http://ww1.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2005&dt=0403&pub=Utusan_Malaysia&sec=Rencana&pg=re_04.htm)
- Johari Ahmad. (2016). Bahasa tempatan dalam filem. *Pelita Bahasa*, 28(6), 41-43.
- Ku Seman Ku Hussain (2003). Maklumat seni filem: Filem dan lakonlayar. Dipetik daripada [http://www.filemkita.com/maklumat/artikel/artikel\\_03.html](http://www.filemkita.com/maklumat/artikel/artikel_03.html)
- Ku Seman Ku Hussain. (2005). Filem dan bahasa Melayu. *Utusan Online*. Dipetik daripada [http://ww1.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2005&dt=1106&sec=hiburan&pg=hi\\_10.htm&arc=hive](http://ww1.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2005&dt=1106&sec=hiburan&pg=hi_10.htm&arc=hive)
- McKee, A. (2003). *Textual analysis: A beginner's guide*. Cornwall: Sage.
- MK, D. (2011). *Code shifting and switching: A lingua franca in multilingual Malaysia?*. (Tesis Pasca Siswazah, Universiti Malaya, Malaysia). Dipetik daripada <http://repository.um.edu.my/12622/1/code%20shifting%20and%20switching.pdf>
- Mohamad Zuber Ismail & Arina Johari (2014). Filem kita wajah bahasa kita. *Dewan Bahasa*, 14(6), 20-23.
- Mohd Anwar Patho Rohman (2016). Jangan pinggir bahasa Melayu - Sultan Nazrin. *Berita Harian Online*. Dipetik daripada <https://www.bharian.com.my/node/199047>
- Mohd Rasdan Ahmad. (2012). Ingatlah dasar filem negara. *Utusan Online*. Dipetik daripada [http://ww1.utusan.com.my/utusan/Hiburan/20120909/hi\\_10/Ingatlah-Dasar-Filem-Negara](http://ww1.utusan.com.my/utusan/Hiburan/20120909/hi_10/Ingatlah-Dasar-Filem-Negara)
- Mohd Sazni (2015). Filem dan bahasa. *Dewan Bahasa*, 15(7), 42-43.
- Mohd Suhaimi Md Yasin (2009). Bahasa filem 'memartabatkan' satu Malaysia. *Dewan Budaya*, 31(10), 28-31.
- Nomura, M. (2003). *Bilingualism and multilingualism: A study of code switching* (Tesis Pasca Siswazah, Kobe University, Japan). Dipetik daripada <http://www.lib.kobe-u.ac.jp/repository/00523015.pdf>
- Noor Aida Mahmor, Nasariah Mansor & Faizah Ahmad (2016). "Hahaha... Cool gila kau punya acting Ariana...". *Percampuran kod dalam novel 'The wedding breaker'* (Tesis PascaSiswazah, Universiti Utara Malaysia, Malaysia). Dipetik daripada <http://jesoc.com/wp-content/uploads/2016/08/LAN-131.pdf>
- Noor Mohamad Shakil Hameed. (2012). Memartabatkan bahasa Kebangsaan Tanggungjawab semua. *Dewan Bahasa*. Dipetik daripada <http://dwnbahasa.dbp.my/?p=972>
- Nurul Fadila Awaludin & Nor Azurin Ali (2017). Penyatuan tiga hero gempur J Revolusi. *Kosmo Online*. Dipetik daripada [http://ww1.kosmo.com.my/kosmo/content.asp?y=2017&dt=0131&pub=Kosmo&sec=Hiburan&pg=hi\\_01.htm](http://ww1.kosmo.com.my/kosmo/content.asp?y=2017&dt=0131&pub=Kosmo&sec=Hiburan&pg=hi_01.htm)
- S M Zakir. (2016). Identiti bahasa Melayu mesti dikekalkan, dipelihara. *Berita Harian Online*. Dipetik daripada <https://www.bharian.com.my/node/183010>

- Siti Rahimah Mustaffa, Raja Masittah Raja Ariffin & Normahdiah Sheikh Said (2014). *Kekeliruan jati diri punca bahasa bercampur aduk* (Universiti Putra Malaysia, Malaysia). Dipetik daripada <http://jurnalbahasa.dbp.my/wordpress/wp-content/uploads/2014/11/7-Kekeliruan-Bahasa-Melayu-Jati-Diri.pdf>
- Suthanthiradevi A/P J.N.J.Money (n.d). *Percampuran kod dalam bahasa Melayu* (Jabatan Pengajian Melayu, Maktab Perguruan Teknik, Kuala Lumpur). Dipetik daripada [http://mptkl.tripod.com/rnd/devil\\_02a.htm](http://mptkl.tripod.com/rnd/devil_02a.htm)
- Tan, K. Y. (2009). *Fenomena percampuran kod dalam berita hiburan suratkhabar Bahasa Cina di Malaysia/Tan Kooi Yee* (Tesis Kedoktoran, Universiti Malaya, Malaysia). Dipetik daripada [http://studentsrepo.um.edu.my/3180/4/BAB\\_2.pdf](http://studentsrepo.um.edu.my/3180/4/BAB_2.pdf)
- Utusan Online. (2005). Filem dan citra - Bahasa dan sastera negara. *Utusan Online*. Dipetik daripada [http://ww1.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2005&dt=0906&pub=Utusan\\_Malaysia&sec=Hiburan&pg=hi\\_06.html](http://ww1.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2005&dt=0906&pub=Utusan_Malaysia&sec=Hiburan&pg=hi_06.html).
- Yusof Ghani. (2002). Bahasa Melayu dipinggirkan bangsa sendiri, kata sasterawan negara. *MalaysiaKini*. Dipetik daripada <https://www.malaysiakini.com/news/12542>.